

KUALA LUMPUR, 30 JULAI (BERNAMA) -- KERAJIAN TELAH MENYUSUN SATU RANCANGAN MENYERAPKAN KERANI-KERANI SEMENTARA SEKOLAH MENJADI KERANI-KERANI TETAP SUPAYA PENTADBIRAN SEKOLAH LEBIH LICIN DAN SEMBUNA.

MENTERI PELAJARAN, DR. MAHATHIR MOHAMAD MEMBERITAHU DEWAN NEGARA MALI INI KEUTAMAAN AKAN DIBERI KEPADA KERANI-KERANI YANG TELAH BERKHIDMAT LAMA.

SEBELUM ITU SEWAKTU MENJAWAB PERTANYAAN SENATOR CHUA CHING CHENG, TIMBALAN MENTERI PELAJARAN, ENCIK CHAN SIANG SUN BERKATA

PERLANTIKAN KERANI-KERANI SEKOLAH DIURUSKAN OLEH SURUHANJAYA PERKHIDMATAN PELAJARAN.

SENATOR ITU JUGA MEMINTA KEMENTERIAN TERSEBUT MENIMBANGKAN SOAL MEMASTIKAN KERANI-KERANI SEKOLAH YANG DIHANTAR KE SEKOLAH SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN CHINA MEMPUNYAI KELULUSAN BAHASA TIONG HWA.

INI, KATANYA, DAPAT MENGELAKKAN SEGALA KERUMITAN YANG MUNGKIN TIMBUL DALAM PENTADBIRAN SEKOLAH-SEKOLAH YANG BERKENAAN KERANA BAHASA PENGANTAR DI SEKOLAH-SEKOLAH ITU TALAH BAHASA CHINA. -- BERSAMBUNG 1650/MD

587:

NEGARA - PELAJARAN 2 KUALA LUMPUR

ENCIK CHAN BERKATA KEMENTERIANNYA AKAN MEMINTA KERJASAMA SURUHANJAYA PERKHIDMATAN PELAJARAN SUPAYA MEMBERI PERTIMBANGAN KHAS KEPADA PARA PEMOHON YANG MEMPUNYAI KELULUSAN BAHASA TIONG HWA UNTUK JAWATAN KERANI-KERANI DI SEKOLAH RENDAH JENIS KEBANGSAAN CHINA.

JAWAPAN ITU TELAH MENIMBULI AN BEBERAPA PERTANYAAN TAMBAHAN DARI PARA ANGGOTA DEWAN YANG MEMPENSOALKAN DASAR KEMENTERIAN MENGENAI BAHASA KEBANGSAAN.

SENATOR RAJA DATUK NONG CHIK BERTANYAKAN APAKAH KEMENTERIAN MENGAMALKAN DASAR PERKEMAMAN DENGAN MENGAMBIL KERANI KETURUNAN CHINA UNTUK SEKOLAH CHINA DARI KERANI KETURUNAN INDIA UNTUK SEKOLAH INDIA.

DR. MAHATHIR BANGKIT MENJAWAB BAHAWA KELAYAKAN TIDAK BERERTI PERKAUMAN. TIAP-TIAP PERMOHONAN DITIMBANG MENGIKUT KELAYAKAN DAN KEUTAMAAN DIBERI KEPADA MEREKA YANG MEMPUNYAI KELEBEHAN TERTENTU YANG DIPERLUKAN.

INI TIDAK SEMESTINYA SEORANG KETURUNAN CHINA MESTI DIPILIH MENJADI KERANI SEKOLAH CHINA JIKA ADA KETURUNAN LAIN YANG MEMILIKI KELEBEHAN YANG DIPERLUKAN. --BERNAMA 1702/MD